

Pakat boikot produk China

KOSMO 13/12/07 M/S 24

Pada September lalu, satu undian di Amerika Syarikat mendapati bahawa 16 peratus penduduknya tidak akan membeli sebarang barangan buatan China.

BERBANDING memberikan hadiah, Mary Naden menukar bentuk ganjaran kepada anak-anak remajanya dengan membenarkan mereka menghadiri kelas sukan ekstrem papan selaju atau membawa mereka bercuti - satu usaha, yang katanya, untuk mengelakkan beliau daripada membeli barangan buatan China.

"Saya juga sukakan barangan murah, tetapi, ada sesuatu yang merisaukan saya," kata Naden, 49, yang tinggal di sub bandar Washington dan bekerja sebagai guru vokal.

Tersedar daripada kewujudan jutaan barang mainan dengan cat berplumbum, makanan laut diancam sisa-sisa bahan kimia, ubat gigi yang mengandungi bahan kimia antibeku dan bahan bahaya lain, sesetengah pengguna Amerika Syarikat (AS) mula bimbang dengan barangan dari China.

Hasil kaji selidik mendapati, 75.8 peratus daripada hampir 1,000 orang berkata, mereka tidak akan membeli barang permainan buatan China. Demikian menurut undian *Reuters/Zogby* yang dikeluarkan bulan lalu.

Pada September lalu, satu undian yang sama mendapati bahawa 16 peratus tidak akan membeli sebarang barangan buatan China dan 23 peratus tidak akan membeli makanan atau ubat gigi dari China.

"Saya ucapkan semoga bernasib baik kepada mereka yang lain," kata Mary Teagarden, seorang pemerhati produk China sejak sekian lama, yang mengajar di Thunderbird School of Global Management. "Ia merupakan tradisi paling halus AS."

Selain risiko keselamatan, mereka yang mengatakan mereka menjauhkan diri daripada produk buatan China menyebutkan beberapa alasan, termasuk

hak asasi manusia dan alam sekitar.

"Ia satu yang serius dan lambat laun akan jadi satu rejim yang tidak kisah tentang manusia, tidak kisah tentang sungai dan tidak kisah tentang apa yang dihamban ke dalam laut," kata Naden.

Teagarden berkata, syarikat-syarikat

Barat yang menyalahkan China tentang masalah keselamatan bahan juga tidak ikhlas memandangkan banyak juga masalah berhubung rekaian.

Tetapi, dia juga menggesa syarikat-syarikat berkenaan untuk mengawal rangkaian bekalannya berbanding mempercayai pembekal.

Tiada siapa boleh menyangkal bahawa Beijing tidak mengambil berat tentang 'kecacatan' produk mereka. Pada Julai lalu, China telah menjatuhkan hukuman ke atas seorang bekas ketua Pentadbiran Makanan dan Dadah China, Zheng Xiaoyu, kerana menerima rasuah dan mengabaikan tugas.

Dia dikaitkan dengan skandal mesin perubatan yang 'cacat' telah membunuh 13 pesakit di bandar selatan, Guangzhou.

"Ia cuba memberi mesej kepada seluruh negara itu," kata Teagarden. "Ini kerana, orang tempatanlah yang lazim

menggunakan mesin ubat berkenaan.

Bagi orang AS yang mahu memulau barangan China, ia turut melibatkan sejumlah pengorbanan.

Pertama, terdapat banyak kuantiti produk buatan China di pasaran AS. China telah mengeksport barangannya bernilai AS\$288 bilion dolar ke AS pada tahun 2006, menurut Jabatan Perdagangan.

Itu termasuklah AS\$65 bilion dolar untuk televisyen dan alat-alat elektronik, AS\$21 bilion dolar untuk barang mainan dan peralatan sukan serta AS\$20 bilion dolar nilai bagi pakaian.

Dalam dalam satu pemantauan tidak rasmi di sebuah kedai Toys R Us di luar Washington D.C., mendapati majoriti besar merupakan barang mainan dijual dari China. Watak-watak kegilaan kanak-kanak lelaki, kesemua 10 patung Spiderman, robot dan Transformers yang secara rawak diambil dari rak adalah diperbuat dari China.

Kesemua 10 senjata perang mainan, skuter dan basikal tiga roda juga daripada China, termasuk di bawah jenama ikon Radio Flyer. Daripada sepuluh anak patung yang terpamer lapan adalah dari China, dengan dua sahaja

⬇ Kita tidak boleh meletakkannya semula di rak hanya kerana ia adalah buatan China. Sebabnya, tidak ada tempat lain yang menghasilkannya. Kadang kala sebagai pengguna kita bahkan tidak mempunyai pilihan

— MARY NADEN

dari Indonesia.

Untuk makanan pula lebih rumit. Pembeli-pembeli kedai runcit boleh memeriksa label dan meletakkan semula makanan laut atau bawang putih dari China tetapi menu restoran selalunya tidak memberitahu dari mana asalnya.

"Anda masuk ke restoran dan anda langsung tidak tahu dari mana makanan laut tersebut diperolehi. Isu terbaru tentang makanan laut yang tercemar telah membuatkan saya berhenti makan di restoran sushi," kata Robert Lanza, jurutera berusia 48 tahun yang bekerja di Washington.

"Jika saya membeli ikan, saya hanya pilih ikan seperti ikan biru, ia adalah ikan laut sejuk, jadi ia tidak mungkin datang dari sana," katanya.

Bahkan, objek yang nampak mudah seperti buku baru Alan Greenspan, *The Age of Turbulence* boleh menjadi suatu yang rumit.

Buku tersebut dicetak di AS Syarikat tetapi China mengeksport 1.8 bilion kertas, papan kertas dan pulpa ke AS dalam tahun 2006. Dari mana pulpa untuk membuat kertas bagi buku Greenspan diperolehi?

"Atau dakwatnya?" kata Teagarden. "Tidak ada cara untuk mengetahuinya. Rangkaian bekalan kita amat global dan panjang." Seorang penulis AS, Sara Bongiorni, turut membincangkan isu ini dalam bukunya *A Year Without Made in China* diterbitkan Jun lalu.

Tetapi, Mary Naden berkata, dia amat kecewa apabila dia mahu membeli barangan elektronik.

"Kita tidak boleh meletakkannya semula di rak hanya kerana ia adalah buatan China. Sebabnya, tidak ada tempat lain yang menghasilkannya," kata Naden. "Kadangkala sebagai pengguna kita bahkan tidak mempunyai pilihan lagi," tambahnya. - Reuters.